

# Ramai pemimpin pembangkang bersikap angkuh — Mahathir

U.M. 15 OGOS 1974

**A**LOR SETAR 14 Ogos — Ramai pemimpin pembangkang bersikap angkuh, tak bertimbangrasa dan sombong, kata Dr. Mahathir Muhammad.

"Jika mereka diberi kuasa, sudah pasti sekali akan menjadikan mereka semua diktator," tambahnya.

Sebab itu, tambahnya, rakyat hendaklah jangan sekali-kali terpengaruh dengan kata-kata mereka kerana kononnya mereka akan menjadi pembangkang yang sihat jika dipilih dalam pilihanraya nanti.

Bercakap dalam satu rapat umum di padang mahkamah di sini malam tadi, Dr. Mahathir yang menang tanpa bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu, beliau menasihatkan orang ramai supaya memilih wakil-wakil mereka yang benar-benar layak untuk menolong rakyat.

Wakil-wakil pembangkang hanya boleh membuat heboh untuk menyukakan hati rakyat sahaja sedangkan hasilnya tidak ada apa-apa pun untuk faedah rakyat yang memilih mereka.

"Pilihlah wakil-wakil yang akan dapat membentuk kerajaan untuk memberi segala kemudahan yang dikehendaki oleh rakyat," katanya.



Dr. Mahathir

Calun Barisan Parlimen menang tanpa bertanding.



Encik Ahmad bin Awang (calun Barisan negeri lawan Siti Noor di Pangkalan Kundur)

"Tetapi kalau wakil-wakil pembangkang terpilih, yang ruginya ialah rakyat sendiri kerana mereka tidak dapat kuasa menubuh kerajaan dan tidak dapat berbuat apa-apa pun, tambahnya.

Beliau mengingatkan juga bahawa Malaysia sekarang ini mempunyai sebuah kerajaan demokrasi yang teguh yang dibentuk untuk semua kaum.

Menurutnya, Barisan Nasional dibentuk untuk perpaduan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di mana semua kaum diwakili dalam kerajaan.

Mengenai pemimpin-pemimpin parti pembangkang pula, terutama dari DAP,

Dr. Mahathir berkata, mereka bersikap sebagai diktator dan tidak bertimbangrasa.

Sebagai contoh beliau menyebut Encik Lim Kit Siang yang menggunakan kuasa kuku besi menyingkirkan kawan-kawan seperjuangan yang menentanginya seperti Encik Goh Hock Guan dan lain-lain lagi.

Dr. Mahathir menegaskan, DAP juga ingin memecah belahkan perpaduan dan menumpukan perhatian semata-mata kepada politik pecah belah.

"Kalau berpolitik secara pecah belah, tentulah negara tidak akan makmur kerana kemakmuran hanya terdapat di sebuah negara yang aman, tegasnya.